



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 Disember 2019 (Ahad)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|---|
| - Kerajaan negeri ambil kira beban rakyat | 6 |
| - Semakan semula tahun depan | 6 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR

22 Disember 2019 (Ahad)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kerajaan negeri ambil kira beban rakyat
Muka Surat	6

81 m/66 22/12/2019 Kerajaan negeri ambil kira beban rakyat

Kuala Lumpur: Beberapa kerajaan negeri akan mengekalkan kadar cukai taksiran yang dikutip pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mahu semakan semula dilakukan, bermula tahun depan.

La antara lain, disebabkan kerajaan negeri mengambil kira beban ditanggung rakyat berikutnya kenaikan kos sara hidup.

Setakat ini, kerajaan Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan menyatakan tiada kenaikan cukai berkenaan, manakala Terengganu dan Sabah pula melakukan semakan ke atas kadar sada ada.

Di Melaka, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Tey Kok Kiew, berkata kerajaan negeri tidak akan menaikkan kadar cukai taksiran, malah kadar sedia ada terus kekal sehingga tahun depan membaikkan kesemua empat PBT di negeri itu.

"Sebagaimana yang diumumkannya sebelum ini, kadar cukai taksiran PBT terus kekal sehingga tahun depan yang selaras dengan ketetapan dalam Manifesto Pakatan Harapan (PH) Melaka.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri seniasa memantau arahan kementerian, antara lain mahu

PBT menyemak semula kadar cukai taksiran bermula tahun depan," katanya ketika dihubungi.

Kok Kiew berharap mutu perkhidmatan PBT terhadap rakyat tidak terjejas walaupun tiada kenaikan cukai taksiran.

Katanya, kerajaan negeri juga terus memantau perbelanjaan dan pendapatan untuk memastikan penjimatan dapat dioptimumkan demi memberikan perkhidmatan terbaik dan keselesaan kepada rakyat.

"Kita akan mengikut arahan (kementerian) dari masa ke masa, pada masa sama tidak mahu sebarang keputusan menjekasakan PBT dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya.

Di Kuantan, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Abd Rahim Muda, berkata kerajaan negeri tidak bercadang menyemak semula kadar cukai taksiran dalam masa terdekat selepas mengambil kira beban ditanggung rakyat berikutnya kenaikan kos sara hidup.

"Kami tidak bercadang menaikkan cukai taksiran memandangkan rakyat sedang mengalami kenaikan kos sara hidup. Lagipun perkara ini (semak semula kadar cukai taksiran) adalah cadangan,

belum lagi dimulatmadkan," katanya.

Di Seremban, Pengurus Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong, berkata kerajaan negeri tidak akan menaikkan kadar cukai taksiran PBT tahun depan.

Katanya, kerajaan negeri akan berpegang kepada manifesto PH pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) iaitu tidak melaksanakan kenaikan kadar cukai taksiran.

"Antara dasar yang kita janji dalam manifesto PH Negeri Sembilan adalah tiada kenaikan Cukai Taksiran Am dalam (tempoh) lima tahun. Kerajaan negeri berpegang kepada janji kepada rakyat ketika PRU-14," katanya.

Di Kuala Terengganu, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ahmad Shah Muhamed, berkata kerajaan Terengganu merancang untuk mengkaji cadangan menaikkan kadar cukai taksiran sejak tahun lalu dalam usaha untuk sembangkan pembangunan di semuta daerah.

Sebahagian besar PBT di Sabah masih mengekalkan kadar cukai taksiran antara 15 hingga 30 tan lalu.

Katanya, kajian terhadap kadar cukai itu sudah dimulakan sejak beliau mengambil alih kementerian berkenaan selepas melihat PBT semakin berkembang dengan pembangunan perlu dilaksanakan demi manfaat rakyat.

"Sandakan dan Semporna misalnya sudah 20 dan 30 tahun tidak dikaji kadar cukai taksiran dan kita lihat ada antara kawasan

ruskan negeri ini. "Kerajaan negeri perlu mencari pendapatan baharu dan semakan cukai taksiran dilihat dapat membantu meningkatkan pulangan hasil kepada kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, semua ini mungkin dalam peringkat awal dan cadangan untuk mengkaji menaikkan cukai taksiran. Kita memang merancang untuk membincangkan perkara ini minggu depan," katanya.

Di Kota Kinabalu, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Jaujan Sambakong, berkata PBT di Sabah memulakan semakan kadar cukai taksiran sejak tahun lalu dalam usaha untuk sembangkan pembangunan di semuta daerah.

Sebahagian besar PBT di Sabah masih mengekalkan kadar cukai taksiran antara 15 hingga 30 tan lalu.

Katanya, kajian terhadap kadar cukai itu sudah dimulakan sejak beliau mengambil alih kementerian berkenaan selepas melihat PBT semakin berkembang dengan pembangunan perlu dilaksanakan demi manfaat rakyat.

"Sandakan dan Semporna misalnya sudah 20 dan 30 tahun tidak dikaji kadar cukai taksiran dan kita lihat ada antara kawasan



Kadar cukai tafsiran PBT terus kekal sehingga tahun depan yang selaras dengan ketetapan dalam Manifesto PH Melaka.

**Tey Kok Kiew,
EXCO Perumahan,
Kerajaan Tempatan
dan Alam Sekitar Melaka**

pembangunan yang tidak dikenakan cukai.

"Ini (kajian) kita sedang perhalusi dan akan lihat kawasan mana perlu dinilaikan kadar, mana yang tidak perlu dinilai. Semakan bukan bermaksud untuk naikkan kadar cukai sahaja, sebaliknya untuk pastikan tidak membebankan peniaga," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR

22 Disember 2019 (Ahad)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Semakan semula tahun depan
Muka Surat	6

Kadar cukai taksiran PBT

BT m/s 6 22/12/2019

Semakan semula tahun depan

Penyelarasan kadar bantu PBT buat kutipan secara seragam, cekap: Zuraida

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mahu semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara menyemak semula kadar cukai taksiran masing-masing bermula tahun depan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata semakan itu perlu dilaksanakan selepas pihak kerajaan mendapat banyak PBT masih mengekalkan kadar lama sejak puluhan tahun lalu.

"Tidak pernah kita buat semakan semula cukai tafsiran. Namun, kita sudah keluaran arahan kepada semua PBT untuk jadikan 2020 sebagai tahun penyelarasan penilaian.

"Maknanya, mereka selaraskan tahun depan... naikkan sedikit atau apa-apa usaha untuk penyelarasan dan setiap lima tahun selepas itu akan ikut naik. Janganlah sampai 20 hingga 30 tahun tidak lakukan kenaikan kerana

ini akan membebankan mereka (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Tapak Senario Ampang dan Santai @ Ampang Point, di sini malam kelmarin.

Keseluruhannya, ada 155 PBT di seluruh negara, dengan langkah semakan itu diyakini mampu membantu mereka melakukan kutipan cukai secara lebih seragam dan cekap.

Malah, ada di antara PBT berkenaan tidak melakukan semakan kenaikan kadar kutipan cukai mereka melebihi 20 tahun.

Difahartikan, hanya PBT di Parang sudah melaksanakan kenaikan cukai taksiran ketika ini.

Zuraida ketika mengulas lanjut, berkata penyelarasan kadar cukai itu perlu dilaksanakan setiap lima tahun diorong oleh faktor berkitan, termasuk peningkatan jumlah penduduk di kawasan pentadbiran setiap PBT.

"Ini turut membantu meningkatkan jumlah pendapatan PBT itu sendiri, sekali gus memperkasakan kecekapan operasi mereka dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk setempat.

"Ia juga selari dengan Akta Kerajaan Tempatan (AKT) 1976 yang memerlukan PBT menaikkan kadar kutipan cukai perkhidmatan



Kita sudah keluarkan arahan kepada semua PBT untuk jadikan 2020 sebagai tahun penyelarasan penilaian.

**Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

setiap lima tahun sekali," katanya.

Bagaimanapun, Zuraida mengingatkan setiap PBT harus memastikan kenaikan kadar itu tidak

membebani komuniti di kawasan seliaan mereka, malah turut membayangkan kenaikan maksimum, kira-kira RM2.

"Kenaikan mengikut kadar rumah dan premis niaga. Kalau naik, dalam RM1 atau RM2 sahaja. Penyelarasan ini dibuat hingga 2025," katanya.

Sementara itu, Zuraida menggunakan rancangan menaik taraf status Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebagai bandar raya, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan PBT berkenaan, seterusnya menyumbang kepada kemajuan setempat.

Katanya, PBT boleh dinaik taraf apabila ia mencapai sasaran pendapatan hasil pungutan cukai RM100 juta setahun.

Di Kuala Terengganu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kejayaan Tempatan, Datuk Raja Kamalul Baharin Shah Raja Ahmad Baharuddin, berkata keputusan kerajaan untuk membuat pelarasan cukai perkhidmatan bagi PBT itu akan memberi lebih manfaat kepada rakyat.

Katanya, lebih banyak pembangunan sosial dapat dijalankan untuk penduduk di satu-satu kawasan hasil kutipan cukai perkhidmatan yang lebih banyak, efektif dan teratur.

Beliau berkata, walaupun keputusan itu bukanlah satu langkah yang popular dan boleh memberi impak kurang baik terhadap kerajaan, ia perlu dilakukan bagi memastikan sumber kewangan PBT mencukupi untuk mendirikan dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Tidak ada kerajaan yang boleh berjalan tanpa mengutip apa-apa cukai secara munasabah. Kalau dalam tempoh berpuluhan-puluhan tahun tak naik, bagaimana PBT nak bagi servis terbaik kepada rakyat dan tumpang perbelanjaan sendiri sedangkan bilangan penduduk semakin ramai," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan persekutuan kepada 90 pelajar dari daerah Kuala Terengganu, di sini, semalam, beliau berkata pelarasan cukai perkhidmatan itu juga dapat menjimatkan perbelanjaan dan memastikan pengurusan kewangan negeri yang lebih seimbang.

"Banyak PBT yang tidak mempunyai dana mencukupi untuk menguruskan perbelanjaan di satu-satu kawasan terpaksa mengambil wang dari sumber negeri untuk menampung perbelanjaan itu.

"Ini memberi impak tidak baik kerana mungkin ada program atau projek sosial rakyat lain yang terpaksa dikurangkan untuk menampung perbelanjaan PBT," katanya.

BERNAMA